

Cagamas masuki pasaran sukuk antarabangsa

KUALA LUMPUR: Perbadanan gadai janji Nasional, Cagamas Bhd., memasuki pasaran sukuk antarabangsa dengan terbitan Nota Jangka Sederhana Boleh Tukar (EMTN) Sukuk dalam denominasi dolar Singapura di bawah Program Sukuk Pelbagai mata wang Cagamas bernilai US\$2.5 bilion.

Syarikat itu dalam satu kenyataan berkata sukuk setahun bernilai S\$162.75 juta itu diterbitkan menerusi unit milik sendirinya, Cagamas Global Sukuk Bhd, dan akan dijamin sepenuhnya tanpa syarat oleh Cag-

amas.

"Sebagai penerbit yang kerap membuat terbitan, Cagamas terus memantau kos pembiayaan perbandingan dan kelebihan pengagihan dalam pasaran antarabangsa berbanding terbitan bon tempatan kita.

"Terbitan EMTN konvensional sulung syarikat dalam pasaran bon dolar Singapura pada Julai 2015 telah menjana banyak minat daripada sejumlah besar pelabur yang membawa kepada permeteraian perjanjian," kata Presiden/Ketua

Pegawai Eksekutifnya, Chung

Chee Leong.

Beliau berkata, prinsip-prinsip Islam yang digunakan bagi sukuk itu adalah berdasarkan kepada prinsip Syariah Wakala, struktur yang diterima dengan meluas dalam kalangan pelabur sukuk antarabangsa.

"Kami menyedari persekitaran pasaran yang semakin mencabar dan dengan ini syarikat akan terus menilai dinamik pasaran dan mengenal pasti perubahan dalam trend menerusi penglibatan proaktif dengan pelabur dan peserta pasaran," katanya.- Bernama